



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	28/3/2013

# Pendekatan pendidikan tidak menyeluruh

BH - 28/3/2013

Pendekatan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan bersifat 'pentingkan diri' kerana lebih menumpukan kepada ibadat untuk mendapatkan pahala bagi diri sendiri sedangkan kepentingan fardu kifayah juga sepatutnya ditekankan.

## Pendidikan bertumpu ibadat wajib

Demikian jawapan Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Tun Mahathir Mohamad, menjawab soalan pelajar Universiti Sains Malaysia (USM), Firdaus Rahim, mengenai kelemahan subjek pendidikan Islam pada sesi soal jawab Majlis Bual Bicara Dakwah Bersama Tun Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pendidikan Islam di negara ini tidak menyeluruh sebaliknya tertumpu kepada bahagian tertentu seperti amal ibadat wajib iaitu solat, puasa, zakat dan haji. Katanya, Islam adalah cara hidup dan jika cara hidup tidak ditekankan maka kehidupan tidak akan mengikut ajaran Islam.

"Dulu ibu bapa memainkan peranan menerapkan nilai mulia pada anak. Ibu bapa yang mendidik supaya jangan mencuri, hormat pada orang tua dan nilai mulia lain. Malangnya hari ini ibu bapa tidak mempunyai masa berkualiti untuk mengajarkannya kepada anak.

"Apabila mereka belajar budi bahasa daripada kawan-kawan, jika

kawan tidak baik maka dapatlah nilai tidak baik. Jadi, besar tidak ikut nilai agama Islam. Tidak ada pendidikan akhlak, bila besar ada pelajaran namun ilmu tidak mampu mengawal diri," katanya.

## Semak sistem pembelajaran

Katanya, beliau sudah meminta pihak yang menyemak sistem pembelajaran supaya memperuntukkan waktu khusus untuk menyemai nilai hidup Islam supaya mereka tahu kehendak agama yang perlu dilaksanakan.

Begitu juga apabila menjawab mengenai kaedah dakwah kepada Orang Asli khususnya di kawasan pedalaman yang dilihat gagal mencapai matla-

mat, Mahathir berkata, kesilapan yang sama dilakukan apabila yang ditekankan ialah isi ajaran Islam.

Beliau berkata, untuk menjelaskan mengenai ajaran Islam dengan lebih berkesan kepada pihak yang tiada asas mengenai agama Islam ialah melalui dakwah iaitu contoh teladan dengan menunjukkan kebaikan Islam berdasarkan tindakan.

"Ini asyik tumpu ajaran Islam, itu tak boleh, ini tak boleh tetapi tidak bertindak seperti orang Islam. Apabila jumpa mereka, tidak perlu jelaskan agama Islam serta-merta sebaliknya tunjukkan sikap yang baik. Lama-lama dia akan tertarik dan dengan sendiri berminat kepada Islam," katanya.